

## Ragam Bahasa dalam Unsur Dakwah: Kajian Berdasarkan Filem Munafik dan Khurafat

Midiyana Mohamad<sup>1\*</sup>, Nor Azita Che Din<sup>1</sup>, Farah Hanini Abd Rahman<sup>1</sup> dan Siti Aishah Mohamad Tahir<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

### ABSTRAK

*Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti unsur dakwah dan menganalisis jenis ragam bahasa dalam unsur dakwah berdasarkan filem Khurafat dan Munafik. Analisis ini menggunakan Pendekatan Bahasa Dakwah yang telah dikemukakan oleh Ahmad Mubarak (2000). Unsur-unsur dakwah yang dinyatakan ialah Qaulan Layyina, Qaulan Baligha, Qaulan Maysura, Qaulan Sadida dan Qaulan Ma'rufa. Namun tidak semua unsur tersebut digunakan dalam filem-filem tersebut. Unsur yang banyak digunakan berdasarkan kajian ini ialah unsur dakwah Qaulan Baligha dan Qaulan Maysura. Selain itu, Pendekatan Ragam Bahasa oleh Za'ba (1965) juga digunakan dalam kajian ini bagi menganalisis ragam bahasa dalam unsur-unsur dakwah tersebut. Analisis menunjukkan ragam bahasa herdik banyak digunakan dalam kedua-dua filem tersebut. Ragam bahasa yang dikenal pasti dalam kedua-dua filem ini ialah bahasa herdik, bahasa tempelak, bahasa sindiran, bahasa bukan, bahasa berulang, bahasa seruan atau mengeluh, bahasa naik dan bahasa melampau. Manakala, tujuh jenis ragam bahasa dan satu unsur dakwah tidak ditemui dalam kajian ini. Sememangnya penelitian ragam bahasa dalam unsur dakwah berdasarkan dua buah filem ini sangat menarik. Secara tidak langsung didapati bahawa setiap ujaran yang diperkatakan dan penyampaian mesej lebih berkesan kepada penonton kerana dakwah itu disampaikan kepada masyarakat dengan cara yang lebih santai dan menarik. Hal ini selaras dengan dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 yang memerlukan penyampaian dakwah juga harus lebih kreatif dan menarik dengan wujudnya kepelbagaiannya media pada masa kini. Penyampaian dakwah juga seharusnya menggunakan pelbagai ragam bahasa bahasa yang menarik.*

**Kata Kunci:** Unsur Dakwah, Ragam Bahasa, Filem, Kreatif.

### ABSTRACT

*This study aim to identify the da'wah elements and to analyze the various types of languages in dakwah elements based on Khurafat and Munafik film. The Language Variety Theory by Za'ba (1965) and the language approach in dakwah by Ahmad Mubarak (2000) are used in this study. The findings reveal that the various languages that are successfully acquired are bahasa herdik, bahasa tempelak, bahasa sindiran, bahasa bukan, bahasa berulang, bahasa seruan atau mengeluh, bahasa naik and bahasa melampau. While the dakwah elements identified in this study are Qaulan Layyina, Qaulan Baligha, Qaulan Maysura, Qaulan Sadida and Qaulan Ma'rufa. Eight types of language and one element of dakwah was not found in this study. The findings show that various bahasa herdik were widely used in both films. This language variety is used to show emotions of listeners about the spoken talk. While dominating dakwah elements are Qaulan Baligha and Qaulan Maysura. These dakwah elements are widely used as these films require the dakwah approach to enlighten the people around them. In conclusion, this study has successfully identified the element of dakwah in the Khurafat and Munafik film and analyzed the various languages in the dakwah element based on Khurafat and Munafik film. This is very good experience in research because regarding to this study, we know that the Islamic elements can be deliver within the community in a very simple and interesting way. This also in line with Industrial Revolution 4.0, that dakwah also must be deliver in a creative way using a good language variety.*

---

\*Koresponden: midi165@salam.uitm.edu.my

**Keywords:** Dakwah, Language Variety, Film, Creative.

## PENGENALAN

Ragam bahasa atau ragaman bahasa sebagai jenis ragaman yang khas bagi bahasa dalam karangan atau percakapan kerana menguatkan tujuan kata dan mempertajamkan hasilnya kepada faham pendengar dan pembaca (Za'ba, 1965). Secara ringkasnya, ragam bahasa merupakan variasi dalam bahasa semasa menyampaikan sesuatu mesej. Penggunaan bahasa ini dapat dilihat dari pelbagai aspek seperti intonasi suara, kekerasan suara, susunan ayat, dan gaya penyampaian. Kebijaksanaan penutur dalam pemilihan ragam bahasa ini dapat mengikat emosi pendengar. Selain itu, ragam bahasa ialah kepelbagaian bentuk bahasa yang diucapkan oleh penuturnya untuk sesuatu tujuan tertentu. Za'ba (1965) menyatakan bahawa ragam bahasa mampu untuk menguatkan tujuan kata dan mempertajamkan hasilnya kepada pembaca dan pendengar.

Menurut Halliday dalam Zoriati Osman (1964) menerangkan ragam bahasa merupakan satu unsur bahasa yang penting kerana digunakan dalam pelbagai situasi. Bahasa harus mengikuti situasi sosial supaya sesuai dengan keadaan sosial tertentu. Misalnya, ragam bahasa yang digunakan dalam filem mampu menarik minat penonton dan membuatkan penonton faham mesej sebenar yang ingin disampaikan. Tambahan lagi, ragam bahasa ini diujarkan beserta dengan emosi penutur.

Za'ba (1965) membahagikan ragam bahasa kepada 15 jenis. Kajian tentang ragam bahasa banyak dilakukan tetapi kebanyakannya mengkaji ragam bahasa dalam bahan penulisan dan ucapan seperti komik dan ucapan politik. Misalnya, kajian *Bahasa Pemersatu Bangsa: Ragam Bahasa dalam Komik* oleh Hamidah Abdul Wahab. Kajian tersebut melihat unsur ragam bahasa yang digunakan dalam komik Upin dan Ipin. Hal ini kerana, ragam bahasa yang wujud dalam komik kebiasaannya merujuk kepada ragam bahasa bebas yang berada di luar lingkungan formal. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini akan memfokuskan kepada kajian ragam bahasa yang berunsurkan dakwah dalam filem bagi mewujudkan kepelbagaian kajian ragam bahasa di Malaysia. Tambahan lagi, penduduk di Malaysia ini kebanyakannya yang mengamalkan ajaran Islam. Sememangnya tanggungjawab sebagai umat Islam salah satunya menyampaikan dakwah kepada manusia.

Dakwah dalam Islam merupakan kewajipan untuk dilaksanakan sama ada secara individu atau kolektif. Menurut Zulkiple dalam Zikmal Fuad (2001), semua umat Islam adalah komunikator Islam iaitu berperanan sebagai seorang *dae'i* dan diserahkan tanggungjawab di peringkat wajib menyampaikannya mengikut kadar keupayaan mereka. Suatu keutamaan kepada setiap umat Islam memahami bahawa diri mereka tidak boleh dipisahkan daripada taklifan sebagai seorang pendakwah meski siapa pun mereka. Menurut Mohd Nor Mamat (2014) dalam prakata bukunya:

*“...dakwah perlu sebatik dalam rutin hidup kita. Mendidik, menegur, menasihati, meneladani, membimbing malah tanpa melakukan sebarang kerja dakwah, kehidupan kita secara tidak langsung menjadi dakwah secara model kepada orang sekeliling. Akhak kita diperhatikan dan pasti ada yang mengikutinya. Itu juga dakwah. Oleh itu, tiada istilah jawatan pendakwah, cuma mungkin ada pihak yang kerja mereka khusus untuk memfokuskan dakwah sebagai bidang tugas utama.”* (Mohd Nor Mamat 2014:7-8).

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti unsur dakwah dan menganalisis jenis ragam bahasa dalam unsur dakwah berdasarkan filem Khurafat dan Munafik. Menurut Mohd Shukri Hanapi (2016), filem berunsur dakwah bukanlah mesti filem yang mempunyai ceramah, pidato mahupun syarahan agama daripada ustaz-ustaz berkopia atau ustazah-ustazah bertudung labuh semata-mata, namun filem tersebut mampu menyampaikan mesej secara tersirat dan

berseni sehingga dapat memberi kesan dan faedah yang mendalam kepada audien yang menonton. Analisis ini menggunakan Pendekatan Bahasa Dakwah yang telah dikemukakan oleh Ahmad Mubarak (2000). Unsur-unsur dakwah yang dinyatakan ialah *Qaulan Layyina*, *Qaulan Baligha*, *Qaulan Maysura*, *Qaulan Sadida* dan *Qaulan Ma'rufa*. Namun tidak semua unsur tersebut digunakan dalam filem-filem tersebut. Unsur yang banyak digunakan berdasarkan kajian ini ialah unsur dakwah *Qaulan Baligha* dan *Qaulan Maysura*. Selain itu, Pendekatan Ragam Bahasa oleh Za'ba (1965) juga digunakan dalam kajian ini bagi menganalisis ragam bahasa dalam unsur-unsur dakwah tersebut.

## KAJIAN LEPAS

Kajian-kajian berkaitan ragam bahasa memberi panduan kepada para pengkaji lain dalam memperbaharui kajian yang ingin dilakukan. Antara kajian tersebut adalah *Bahasa Pemersatu Bangsa: Ragam Bahasa dalam Komik* oleh Hamidah Wahab (2011), *Humor dan Manusia: Satu Perbincangan Awal* oleh Nik Nurul Syuhada dan Ahmad Faisal (2015), *Retorik Pujukan: Kajian Kes Ceramah Haji Hadi Awang* (2005) oleh Zoriati Osman, dan *Pendekatan Bahasa dalam Dakwah (Satu Kajian dari Perspektif Al-Quran)* oleh Zikmal Fuad (2015)

Dalam kajian berkaitan ragam bahasa bertajuk *Bahasa Pemersatu Bangsa: Ragam Bahasa dalam Komik* pada tahun 2011 yang dijalankan oleh Hamidah Wahab telah memfokuskan jenis ragam bahasa yang terdapat dalam komik-komik terpilih. Hamidah telah memilih komik sebagai data kajian. Antara komik yang digunakan ialah komik *UPIN & IPIN* terbitan NYLA Sdn.Bhd dan *UJANG* terbitan MOY Pulications. Objektif kajian komik ini dilakukan ialah meneliti penerapan ragam bahasa komik yang merangkumi ragam bahasa jenaka, bahasa berulang, bahasa menggiat, bahasa bertimbali, bahasa sindiran atau ironi dan ragam bahasa kiasan. Kajian yang dijalankan oleh Hamidah Wahab ini telah menggunakan pendekatan Za'ba kerana pendekatan ini bersifat umum menceritakan tentang ragam bahasa yang terdapat dalam masyarakat. Salah satu contoh ragam bahasa yang terdapat dalam kajian beliau ialah ragam bahasa jenaka yang diambil daripada komik *UPIN & IPIN*. Sebagai contoh dalam dialog Jarjit, "dua tiga Jalur Gemilang. Kesian atuk. Malang." Dalam dialog tersebut terdapat penggunaan pantun jenaka oleh watak Jarjit. Hasil dapatan membuktikan bahawa ragam bahasa yang wujud dalam komik kebiasaannya menggunakan ragam bahasa yang bebas dan berada di luar lingkungan formal. Penulis berpendapat perlu sebaiknya komik-komik yang diterbitkan nanti adalah dari bahan-bahan yang bermutu.

Selain itu, kajian ragam bahasa juga turut dijalankan oleh Nik Nurul Syuhada dan Ahmad Faisal yang berfokuskan pada ragam bahasa humor. *Kajian yang bertajuk Humor dan Manusia: Satu Perbincangan Awal* ini dijalankan pada tahun 2015 dan membincangkan beberapa aspek utama berkaitan humor di samping memberi penjelasan tentang pandangan-pandangan sarjana terhadap humor selain daripada memberi contoh-contoh humor yang terjadi pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat. Selain itu, dalam kajian humor ini ada menjelaskan konsep humor berdasarkan pandangan tokoh-tokoh ilmuwan Islam dan pengkaji Barat. Dapatkan daripada kajian ialah Islam menerima humor sebagai humor itu sendiri tidak melanggar batas kebenaran. Sebagai contoh, tidak menjadikan simbol-simbol Islam (tauhid, risalah, wahyu dan agama) sebagai bahasa gurauan. Umpamanya, jangan berkata "*Perangai engkau macam si kafir*," atau kata-kata lain yang berkaitan aqidah contohnya yang membatalkan Islam seseorang jika digunakan bukan pada tempatnya. Oleh yang demikian, hal ini hendaklah di pandang serius dan perlu mengambil langkah lebih berhati-hati apabila mengeluarkan sebarang humor. Selain itu, humor juga digalakkan dalam kehidupan kerana dapat mendatangkan bermacam-macam kebaikan kepada manusia. Tambahan lagi, pendapat yang menarik untuk dikongsikan daripada Mahatma Gandhi yang menyatakan "*Jika saya tidak memiliki rasa kepekaan terhadap humor, nescaya sejak dahulu saya sudah bunuh diri*." Penulis juga mengkategorikan jenis-jenis humor berdasarkan pendapat Asmah Haji Omar dan Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) kepada beberapa

jenis, antaranya ialah bahasa jenaka, bahasa sindiran, bahasa menggiat, bahasa mengejek, bahasa terbalik, bahasa merajuk dan bahasa tempelak. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tiada halangan dalam Islam untuk melakukan hiburan berbentuk humor.

Kajian yang bertajuk *Retorik Pujukan: Kajian Kes Ceramah Haji Hadi Awang* ini pula dijalankan oleh Zoriati Osman pada tahun 2005. Dalam bab 3, kajian retorik ini membincangkan tentang aspek bahasa dalam retorik dan subtopiknya berkaitan ragam bahasa yang telah dikemukakan Za'ba. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk membincangkan keberkesanan penggunaan bahasa dan variasi teknik pemujukan yang digunakan oleh pemeran. Dalam kajian ini ada menyatakan para penceramah politik harus mempunyai kemahiran yang cukup semasa berhadapan dengan khalayak supaya semua perkara yang dibangkitkan mampu memujuk emosi khalayak. Antara teknik yang digunakan oleh beliau ialah teknik pengukuhan, teknik mengumpam sokongan, teknik permintaan tindakan, teknik menakut-nakutkan, teknik beranalogi sebagai sindiran, teknik humor, teknik penonjolan kesopanan dan teknik penyisian. Sebagai contoh, teknik pengukuhan ialah teknik yang digunakan oleh seseorang penutur untuk mengukuhkan pernyataannya tentang perkara yang sudah dipercayai oleh khalayak dan seterusnya membuktikan bahawa yang diperkatakan merupakan perkara yang benar. Teknik ini sering digunakan oleh ahli-ahli politik ketika kempen pilihan raya kerana untuk meraih kepercayaan pendengar dan pengundi. Dapatkan kajian menunjukkan Abdul Hadi Awang telah menggunakan pelbagai teknik pemujukan.

Kajian seterusnya ialah bertajuk *Pendekatan Bahasa Dalam Dakwah (Satu Kajian Dari Perspektif Al-Quran)* yang ditulis oleh Zikmal Fuad pada tahun 2015. Kajian yang ditulis memberi fokus pada pendekatan bahasa dalam dakwah. Berdasarkan kajian yang dilakukan, beliau menerangkan beberapa pendekatan yang digunakan dalam al-Quran untuk menyampaikan dakwah dan hanya difokuskan dari sudut bahasa. Beliau telah menggunakan kaedah kepustakaan dalam kajian bahasa dakwah ini. Seterusnya, beliau telah mengenal pasti beberapa istilah pendekatan bahasa dalam dakwah di dalam al-Quran yang boleh digunakan dalam menyampaikan dakwah iaitu *Qaulan Layyina*, *Qaulan Baligha*, *Qaulan Maysura*, *Qaulan Karima*, *Qaulan Sadida* dan *Qaulan Ma'rufa*. Ahmad Mubarak (2000: 251), menyebut istilah-istilah tersebut dengan 'Bahasa Dakwah'. Misalnya, istilah *Qaulan Baligha* dapat diterjemahkan menjadi perkataan yang membekas dalam jiwa dan beliau telah memberi contoh ayat al-Quran yang telah memberi kesan terhadap pendengar yang mendengar ayat tersebut iaitu dalam surah al-Nisa yang berbunyi "*mereka itu adalah orang-orang yang rahsia hatinya diketahui Allah SWT, kerana itu berpalinglah kamu dari mereka, dan berilah mereka pelajaran, dan katakanlah kepada mereka perkataan yang berbekas pada jiwa mereka.*" Ayat tersebut berkenaan dengan orang-orang Munafik yang berpura-pura baik di hadapan Rasulullah tetapi disebaliknya menentang dakwah nabi, maka kaedah *Qaulan Baligha* sesuai digunakan kepada mereka.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan analisis deskriptif. Melalui pendekatan ini, kaedah analisis teks digunakan bagi menganalisis ragam bahasa dalam unsur dakwah yang dibuat menggunakan filem Munafik dan Khurafat. Unsur dakwah dalam filem Munafik dan Khurafat dikenal pasti berdasarkan pendekatan bahasa dakwah yang ditelah dikemukakan oleh Ahmad Mubarak (2000:251). Pendekatan ini digunakan selepas filem ini ditranskripsikan bagi mengenal pasti bahasa dakwah yang terdapat dalam dialog-dialog yang diujarkan.

Selain itu, jenis-jenis ragam bahasa akan dianalisis berdasarkan bahasa dakwah yang telah dikenal pasti berpandukan pendekatan ragam bahasa yang telah dikemukakan oleh Za'ba (1965).

### Pendekatan Bahasa dalam Dakwah di dalam Al-Quran

Terdapat enam jenis pendekatan yang boleh digunakan dalam menyampaikan dakwah, iaitu Qaulan Layyina, Qaulan Baligha, Qaulan Maysura, Qaulan Karima, Qaulan Sadida dan Qaulan Ma'rufa. Istilah-istilah tersebut dengan ‘Bahasa Dakwah’ oleh Ahmad Mubarak. Bahasa dakwah yang perlu difahami oleh setiap pendakwah itu adalah:

#### (a) Qaulan Layyina

Istilah Qaulan Layyina terdapat dalam surah Taha (20):44, rangkaian dari kisah Nabi Musa menghadap Firaun.

*“Pergilah kamu berdua kepada Firaun, sesungguhnya dia telah melampau batas, maka berbicaralah kamu berdua kepadanya (Firaun) dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia beringat atau takut”.*

Dalam perspektif ayat di atas ini menunjukkan bahawa berdakwah kepada ketua yang zalim seperti Firaun haruslah menggunakan bahasa dakwah Qaulan Layyina. Dalam bahasa Arab, perkataan layyin mengandungi makna berlawanan daripada kasar, iaitu halus dan lembut (al-Isfahani t.th: 478). Hal demikian dakwah Qualan Layyina dapat difahami sebagai dakwah dengan kata-kata yang lemah lembut bermakna kata-kata yang dirasakan oleh mad'u (penerima dakwah) sebagai sentuhan yang halus, tidak mengusik atau menyentuh kepekaan perasaannya. Kelebihan pendekatan yang lemah lembut yang sejuk sekurang-kurangnya tidak menimbulkan kemarahan penguasa zalim yang sedang menjadi mad'u.

#### (b) Qaulan Baligha

Istilah Qaulan Baligha dapat diterjemahkan menjadi perkataan yang memberi kesan dalam jiwa. Hal ini dilihat dalam al-Quran Surah al-Nisa (4):63:

*“Mereka itu adalah orang yang (sesungguhnya Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati mereka). Kerana itu berpalinglah kamu daripada mereka dan berilah mereka nasihat dan katakanlah kepada mereka perkataan yang boleh memberi bekas pada hati mereka”.*

Berdasarkan petikan tafsir al-Quran di atas berkenaan dengan orang-orang Munafik yang di hadapan Nabi Muhammad berlakon baik, tetapi di belakang mereka menolak dakwah nabi. Bagi orang yang berperwatakan Munafik, perkataan lemah lembut tidak akan memberi kesan ke dalam jiwanya, penyampaian dakwah yang sesuai untuk orang Munafik bukan dengan cara yang indah dan lembut, tetapi yang tajam, pedas, tetapi benar, baik dari sudut bahasa atau keseluruhannya. Tingkah laku Munafik susah untuk diubah, meskipun dmikian dengan Qaulan Baligha orang Munafik dibuat tidak berkutik berdepan dengan da'i. Kepentingan Qaulan Baligah bagi mad'u orang Munafik, bukan hanya untuk membelenggu kelakuan mereka, tetapi juga untuk pengunaan mad'u secara umum supaya mereka sukar dihasut oleh orang Munafik. Berdasarkan surah al-Baqarah:8-20 antara contoh ayat yang sangat menusuk, tetapi benar menusuk hati orang Munafik, perintah al-Quran supaya bersikap keras kepada orang kafir dan Munafik secara keras dalam surah at-Taubah (9):73:

*“Wahai Nabi! Berjihadlah (melawan) orang kafir dan orang Munafik itu dan bersikap keraslah terhadap mereka. Tempat mereka ialah neraka Jahannam. Dan itulah seburuk-buruk tempat kembali”.*

### (c) Qaulan Maysura

Istilah Qaulan Maysura terdapat dalam surah al-Isra' (17):28:

*"Dan jika kamu berpaling daripada mereka untuk memperolehi rahmat daripada Tuhanmu yang kamu harapkan, maka katakanlah kepada mereka dengan ucapan yang lemah-lembut."*

Dalam bahasa Arab maysura berasal dari kata yasara bermaksud mudah, berlawanan dari ma'sura, yang membawa maksud sukar, jika maysura menjadi sifat Qaul yang bermaksud perkataan yang mudah diterima dan yang elok didengar.

Jika dilihat ayat sebelum dan selepasnya, iaitu ayat (26-30) ialah ayat yang munasabah, maka kalimah Qaulan Maysura berkaitan dengan tatacara pergaulan dengan keluarga, orang miskin, dan musafir, berkaitan keperluan metod, ayat 26-27 misalnya, memberi peringatan tentang melakukan pembaziran ditengah orang miskin, kerana perbuatan membazir yang dilakukan di hadapan mereka adalah sangat menyakitkan dan dianggap sebagai suatu bentuk penghinaan. Sedangkan ayat 28 mengisyaratkan jika seseorang berasa belum mampu memenuhi kewajipan bagi membantu keluarganya yang kurang mampu, orang miskin dan Ibn Sabil, dia perlu berusaha supaya mempunyai kemampuan, dan ketika dia pergi meninggalkan orang-orang yang mungkin dalam kecewa, dia hendaklah berkata dengan perkataan yang mudah difahami, yang tidak menyakitkan dan tidak menimbulkan salah faham (Ahmad Mubarok dalam Zikmal Fuad 2000:25).

Maka kalimah Qaulan Maysura dikhaskan kepada orang-orang yang sedang memerlukan pertolongan baik kerana kemiskinan atau kesusahan tertentu. Orang yang sedang didesak oleh keperluan, mereka sering tidak mampu memahami dengan betul tentang berita yang diterimanya. Bagi orang yang berada dalam keadaan begitu, perkataan yang sukar dapat difahami secara keliru dan menimbulkan reaksi yang keliru. Maka kalimah Qaulan Maysura dalam ayat ini lebih sesuai untuk menguruskan tingkah laku orang-orang yang sedang dalam kesulitan supaya mereka tidak ter dorong melakukan perbuatan kufur. Menurut Jalaluddin Rahmat dalam Zikmal Fuad (1992), Qaulan Maysura sebenarnya lebih sesuai diertikan sebagai ucapan yang menyenangkan, mempunyai hal-hal yang menggembirakan.

### (d) Qaulan Karima

Kalimah Qaulan Karima terdapat dalam ayat yang mengajar etika pergaulan manusia terhadap ibu bapanya yang sudah lanjut usianya, iaitu dalam al-Quran surah al-Isra (17):23:

*"Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapamu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berusia lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan "ah", dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkankannya kepada mereka perkataan yang mulia".*

Dalam bahasa Arab, kalimah Karima mempunyai maksud yang sarat dengan kebijikan. Jika dikaitkan dengan qaul, maka sahlan wa layyinah, iaitu perkataan yang mudah dan lembut. Surah al-Isra dan dua ayat selepasnya menunjukkan tatacara dan adab pergaulan dengan ibu bapa. Setiap anak yang lahir diperintahkan untuk berbuat baik kepada ibu bapanya, dan jika salah seorang atau keduanya sudah di usia tua, maka janganlah berkasar dengan mereka, jika terpaksa menegeur, maka hendaklah menegur dengan Qaulan Karima, iaitu dengan perkataan

yang senang dan lembut. Qaulan Karima mengutamakan prinsip penghormatan dalam etika komunikasi.

Oleh itu, berdakwah kepada mereka memerlukan kelembutan. Orang kafir mudah menentang dakwah kerana keingkarannya, maka ibu bapa yang sudah lanjut usianya tidak mudah menerima teguran yang kasar kerana melemahkan tahap respon psikologi yang disebabkan umurnya yang sudah lanjut.

#### (e) Qaulan Sadida

Kalimah Qaulan Sadida disebut dua kali dalam al-Quran, iaitu dalam surah an-Nisa ayat 9 dan al-Ahzab ayat 70-71

*"Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan ucapkanlah perkataan yang benar, nescaya Allah akan memperbaiki amal-amalmu dan mengampunkan dosa-dosamu, dan barang siapa mentaati Allah dan Rasulnya, maka sesungguhnya dia menang dengan kemenangan yang agung".*

Perintah bertakwa dalam ayat di atas mendahului perintah bercakap benar, ayat 71 adalah janji kejayaan jika pendekatan itu digunakan. Jadi pelaksanaan dakwah dengan Qaulan Sadida seharusnya berdiri di atas landasan takwa. Mesej dari ayat tersebut adalah bahawa barangsiapa yang berdakwah dengan Qaulan Sadida dan dakwahnya berada pada landasan takwa, maka dakwahnya bukan hanya memiliki kuasa terhadap mad'u, tetapi juga akan membangunkan diri seorang da'i.

#### (f) Qaulan Ma'rufa

Salah satu maksud ma'rufa secara etimogis ialah al-Kahir atau al-Ihsan, yang membawa maksud yang baik. maka qaulan ma'rufa mengandungi pengertian perkataan atau ungkapan yang baik dan sesuai (Ibnu Manzhur tth). Dalam al-Quran kalimah qaulan ma'rufa terdapat pada empat tempat:

Pertama, surah al-Baqarah 2:235; dalam ayat ini kalimah qaulan ma'rufa membawa maksud rayuan halus terhadap seorang wanita yang ingin dipinang. Kedua dan ketiga, surah al-Nisa 4:5; dalam ayat ini qaulan Ma'rufa bermaksud pembicaraan yang sesuai bagi seseorang yang belum dewasa atau orang dewasa tetapi tidak berilmu. Kedua-dua golongan ini sudah pasti tidak bersedia menerima perkara yang disampaikan dan yang ditonjolkan ialah emosinya, sedangkan pada ayat 8 dalam surah yang sama mengandungi maksud cara mengawal perasaan keluarga, anak yatim, dan orang miskin yang datang sewaktu mengedarkan harta warisan. Mereka tidak ada dalam senarai yang layak menerima warisan, namun Islam mengajarkan supaya mereka diberi sekadarnya sahaja. Keempat, surah al-Ahzab 23:32; dalam ayat ini qaulan ma'rufa bermaksud ditujukan pada wanita (isteri Rasulullah) supaya bercakap yang perlu sahaja, tidak perlu bermanja-manja, tersipu-sipu, bersikap berlebihan yang bakal mengundang berahi lelaki (Mafri Amir:1999).

*"Perkataan yang baik dan pemberian maaf lebih baik daripada sedekah yang diiringi dengan sesuatu yang menyakitkan (perasaan si penerima). Allah Maha Kaya, lagi Maha Penyantun". (Al-Baqarah 2:263).*

Ayat di atas menggambarkan cara seseorang melakukan penolakan secara halus. Sementara maksud pemberian maaf ialah cara seseorang boleh memaafkan tingkah laku kurang sopan dari si peminta. Apabila diterjemahkan menggunakan tulisan, hikmah dapat membawa maksud

sebagai tulisan yang baik, menarik, mudah difahami, menggunakan bahasa yang sederhana dan dapat membangkitkan semangat pembaca melakukan perkara yang baik.

### **Pendekatan Ragam Bahasa Za'ba (1965)**

Pendita Za'ba (1965) menyatakan bahawa terdapat lima belas (15) ragam Bahasa:

#### **(a) Bahasa Herdik**

Gaya bahasa ini juga sama dengan gaya bahasa tempelak. Tetapi tujuannya untuk menunjukkan kesalahan pada masa sekarang bukan pada masa silam dan ia kerap kali diucapkan dengan kasar serta mengandungi sedikit ejekan.

#### **(b) Bahasa Tempelak**

Bahasa yang tepat menunjukkan keasalan seseorang kemudian daripada telah dilakukannya supaya ia sedar akan kesalahannya atau ketaksirannya sebelum melakukannya dan supaya ia beringat pada masa depan.

#### **(c) Bahasa Melampau**

Ragam bahasa ini ialah sejenis ragaman bahasa yang mengatakan sesuatu perkara itu sangat besar dan sebagainya dengan perkataan yang melebih-lebihkan sesuatu daripada perkara yang sebenar. Semua orang yang mendengar faham bahawa yang dikatakan itu adalah tidak benar.

#### **(d) Bahasa Merajuk**

Ragam bahasa merajuk ini ada juga seperti bahasa terbalik, tetapi ia tidak membawa maksud seperti bahasa terbalik. Sebenarnya, ragam bahasa ini menunjukkan perasaan menarik diri atau kecil hati oleh sebab sesuatu perbualan yang dirasakan menghina dan tidak wajar.

#### **(e) Bahasa Terbalik**

Bahasa terbalik ialah bahasa yang menggunakan perkataan yang berlawanan dengan maksud yang dikehendaki dan maksudnya difahami dengan apa yang berlawanan daripada apa yang dikatakan itu.

#### **(f) Bahasa Mengejek**

Bahasa mengejek ialah bahasa yang digunakan untuk mengata seseorang atau sesuatu kumpulan dengan perkataan yang tepat dan dengan gaya yang menunjukkan keburukan serta mempermain-mainkan supaya jelas kebodohan orang tersebut atau supaya ia ditertawakan. Bahasa mengejek ini akan membangkitkan rasa marah dan sakit hati orang yang dikata itu.

#### **(g) Bahasa Menggiat**

Bahasa menggiat ialah bahasa yang tidak tepat seakan-akan sindiran juga tetapi tiada berisi kiasan, maksudnya hanya sekadar mengusik terkadang dengan tujuun bergurau senda sahaja dan terkadang bersungguh-sungguh betul sehingga boleh menerbitkan perasaan malu orang yang dijatuh itu.

**(h) Bahasa Sindiran**

Bahasa sindiran merupakan perkataan yang ditujukan maksudnya kepada seseorang dengan tidak disebutkan dengan tepat, hanya dipamirkan dengan kiasan atau diarahkan kepada perkara lain kerana tidak suka hendak menyebutkannya secara terang-terangan. Tetapi jika orang yang ditujukan itu memahami maknanya, orang itu akan terasa.

**(i) Bahasa Jenaka**

Bahasa jenaka bukanlah digunakan untuk menguatkan tujuan kata, suatu jenis pembahasan yang memakai satu perkataan dengan dua makna kerana membawa maksud jenaka atau bergurau-senda. Kadang-kadang bermaksud sungguh-sungguh.

**(j) Bahasa Bukan**

Bahasa bukan ialah ragam bahasa yang memakai perkataan ‘bukan’ dahulu daripada sesuatu perkataan lain, tetapi tujuannya mengatakan ‘ia’.

**(k) Bahasa Bertimbal**

Bahasa bertimbal ialah ragam yang mengadapkan dua fikiran pendek dekat-dekat seolah-olah bertentang, baik pun antara kedua-duanya itu berlainan isi sahaja atau berlawanan betul. Perbandingan yang serupa memudahkan untuk difahami.

**(l) Bahasa Berulang**

Bahasa yang diulang bagi menguatkan sesuatu ayat tersebut.

**(m) Bahasa Seruan atau Mengeluh**

Satu kaedah yang menggunakan perasaan keras, iaitu dengan mengeluh. Tidak menyebut sesuatu ayat itu dengan secukupnya dengan ini orang yang bercakap atau penulis berharap sesuatu ayatnya dapat disampaikan kepada pembaca atau pendengar.

**(n) Bahasa Ingkar**

Bahasa yang disusun dengan pertanyaan, tetapi maksudnya bukan pertanyaan tetapi seolah olah mengejek.

**(o) Bahasa Naik**

Bahasa yang menguatkan sesuatu tujuan untuk membawa makna meningkat dari bawah hingga ke atas.

**ANALISIS RAGAM BAHASA DALAM UNSUR DAKWAH**

Berikut merupakan analisis ragam bahasa dalam filem Munafik dan Khurafat, yang dijalankan mengikut pendekatan bahasa dalam Dakwah di dalam al-Quran. Data yang telah dikenal pasti telah dikelompokkan mengikut jenis-jenis bahasa dalam dakwah yang sesuai. Menurut Ahmad Mubarak (2000:251), terdapat enam jenis pendekatan bahasa dalam dakwah di dalam al-Quran. Antaranya ialah Qaulan Layyina, Qaulan Baligha, Qaulan Maysura, Qaulan Karima, Qaulan Sadida dan Qaulan Ma'rufa.

### **Unsur Dakwah Qaulan Layyina**

Berikut merupakan satu dakwah Qaulan Layyina yang telah dianalisis. Menurut Zikmal Fuad (2015), dakwah jenis ini difahami sebagai dakwah dengan kata-kata yang lemah lembut bermakna kata-kata yang dirasakan oleh mad'u (penerima dakwah) sebagai sentuhan yang halus, tidak mengusik atau menyentuh kepekaan perasaannya. Kelebihan pendekatan yang lemah lembut yang sejuk sekurang-kurangnya tidak menimbulkan kemarahan penguasa zalim yang sedang menjadi mad'u. Berdasarkan analisis yang dilakukan, data ini telah memenuhi ciri-ciri unsur dakwah Qaulan Layyina yang telah dikemukakan oleh Ahmad Mubarak dalam Zikmal Fuad (2000:251).

### **DATA 1**

“Sesungguhnya Allah ada bersama-sama dengan aku. Dia tidak akan sia-siakan orang-orang yang bertawakal pada Dia. Allah takkan sia-siakan!”

Berdasarkan ujaran di atas yang diambil dari filem Munafik terdapat penggunaan unsur dakwah, iaitu Qaulan Layyina dalam dialog yang diujarkan oleh Adam ini. Qaulan Layyina dirasakan sebagai sentuhan yang halus tanpa menyentuh kepekaan perasaannya dan unsur ini digunakan oleh Adam sewaktu dia ingin menghapuskan kejahatan Pak Osman yang disifatkan sebagai seorang Munafik. Hal ini demikian kerana Pak Osman telah melakukan sihir kepada orang-orang kampung. Munafik ialah orang yang berpura-pura berpegang teguh pada agama di hadapan orang lain, tetapi hakikatnya disebalik itu.

Unsur dakwah ini amat sesuai digunakan bagi mad'u atau penerima dakwah yang mempunyai sifat amarah terutamanya bersifat takabbur dan zalim. Dalam situasi ini, Adam tidak bertindak kasar ketika berhadapan dengan Pak Osman yang sedang dirasuk iblis itu. Tambahan lagi Adam menggunakan intonasi suara yang tidak terlalu tinggi dalam ujaran “sesungguhnya Allah ada bersama-sama dengan aku.” Sedangkan ketika itu Pak Osman bertindak memukul Adam dengan menggunakan kuasanya sebagai ketua segala kejahatan.

Selain itu, ujaran dalam data di atas tidak memberi peluang kepada mad'u, iaitu Pak Osman untuk menunjukkan kekasarannya. Malah mengurangkan kemarahannya selain daripada memberi waktu kepada mad'u tersebut untuk merenung ayat yang dikatakan padanya. Keseluruhan ujaran di atas menunjukkan unsur dakwah. Walau bagaimanapun, Pak Osman tidak termakan dengan kata-kata Adam kerana menganggap dirinya lebih hebat daripada segalanya.

Data ini menggunakan ragam bahasa berulang sebagai tanda penegasan dalam ayat yang diujarkan. Unsur pengulangan dalam ujaran di atas ialah pada ayat, “Dia tidak akan sia-siakan orang-orang yang bertawakal pada Dia. Allah takkan sia-siakan!” Ragam bahasa berulang turut digunakan sama ada pengulangan pada perkataan atau frasa dalam ayat yang sama. Berdasarkan ragam bahasa di atas ditemui bahasa berulang dengan penegasan perasaan yakin seseorang hamba dengan penciptanya. Tambahan lagi, Adam menggunakan intonasi yang tinggi dalam bahasa berulang ini.

Situasi ini berlaku di sebuah rumah banglo lama di hujung kampung. Sewaktu ini Adam telah beradu kekuatan dengan Pak Osman yang bersifat Munafik. Pak Osman telah memukul Adam kerana Adam tidak mahu mengikuti jejaknya yang menggunakan iblis sebagai pegantara untuk dia menjadi kaya. Disebabkan Adam berada dalam kesakitan maka Adam melaungkan ujaran di atas dengan menegaskan ayat ‘Dia tidak akan sia-siakan orang-orang yang bertawakal pada Dia’ dan mengulangi ayat tersebut sekali lagi bagi menguatkan maksud yang hendak disampaikan pada Pak Osman.

### **Unsur Dakwah Qaulan Baligha**

Unsur dakwah jenis ini dapat diterjemahkan menjadi perkataan yang memberi kesan dalam jiwa. Selain itu, dakwah ini menuntut bahawa orang yang berperwatakan Munafik, perkataan lemah lembut tidak akan memberi kesan ke dalam jiwanya, penyampaian dakwah yang sesuai untuk orang Munafik bukan dengan cara yang indah dan lembut, tetapi yang tajam, pedas, tetapi benar, baik dari sudut bahasa atau keseluruhannya. Berdasarkan analisis yang dilakukan, data 2 di bawah ini telah memenuhi ciri-ciri dakwah Qaulan Baligha.

### **DATA 2**

“Eh Adam, kuatkan iman kau! Sejak aku kenal kau, kau ni bukan jenis pemarah, pendendam.. apa ni Adam?? Hah? Aku ni kawan rapat kau, aku sayang dekat kau Adam! Kau pun tahu kan? Hati kita ini berbolak balik, iman kita ni kadang turun kadang naik, kita kena berjaga-jaga, kena berhati-hati, buangkan sifat dendam, buang sifat marah, maafkan sudah lah Adam..”

Seterusnya unsur berkaitan dengan dakwah Qaulan Baligha terdapat pada ujaran ‘eh Adam, kuatkan iman kau!’ dan ‘hati kita ini berbolak balik, iman kita ni kadang turun kadang naik, kita kena berjaga-jaga, kena berhati-hati, buangkan sifat dendam, buang sifat marah, maafkan sudahlah Adam..’ Kedua-dua ujaran tersebut diperkatakan oleh Azman yang sedang menasihati Adam. Ujaran yang dipetik dari filem Munafik ini diujar dalam nada yang keras dan ayat tersebut merupakan ayat yang mampu memberikan kesan ke dalam jiwa Adam. Hal ini demikian kerana Adam menyimpan dendam pada orang yang telah mengakibatkan kematian isterinya.

Adam merupakan seorang ustaz tetapi hatinya sukar untuk memaafkan orang tersebut dan oleh kerana itu ustaz Azman yang juga kawan baik Adam menasihatinya supaya memaafkan orang itu. Selain itu, antara ayat lain dalam ujaran di atas yang sangat memberi kesan ke dalam jiwa ialah pada ujarannya ‘buangkan sifat dendam, buang sifat marah...’ Berdasarkan tiga sifat yang dianggap baligh iaitu salah satu daripadanya ialah mempunyai kesesuaian dengan perkara yang disampaikan atau dimaksudkan. Ujaran yang berlaku dalam data 2 ini antara ujaran yang telah menepati ciri tersebut. Ini bermakna Azman mampu menyampaikan mesej yang ingin disampaikan pada Adam dengan berkesan.

Dalam minit 13:33 itu, Azman melakukan ujaran tersebut sambil memegang badan Adam dan menggoncangkannya supaya Adam sedar tentang tindakkannya. Namun Adam tidak menerima nasihat Azman itu kerana hatinya terlalu sukar untuk memaafkan orang yang telah mengakibatkan isterinya kemalangan dan meninggal dunia.

Dalam data 2 di atas, bahasa seruan atau mengeluh ini dijumpai dalam ujaran “Eh Adam, kuatkan iman kau, sejak aku kenal kau, kau ni bukan jenis pemarah, pendendam...”. Kebiasaannya, ragam bahasa ini digunakan untuk menyatakan kekecewaan yang dialami oleh seseorang. Namun, bahasa ini tidak dapat diluahkan secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, pendengar memahami betapa kecewanya seseorang mengalaminya. Berdasarkan situasi di atas, Azman meluahkan kekecewaannya terhadap Adam yang terlalu berdendam dengan orang yang mengakibatkan isterinya meninggal dunia.

Ragam bahasa ini mampu membuatkan pendengar berfikir kerana intonasi semasa mengujarkan bahasa ini agak tinggi ditambah dengan emosi yang tidak keruan. Sebagai umat Islam sepatutnya kita tidak boleh berdendam dengan manusia lain sekalipun mereka berbuat jahat kepada kita. Namun, sebagai manusia biasa kadang kala kita tidak dapat mengawal perasaan kita daripada terus menyimpan dendam. Hal inilah yang berlaku kepada Adam yang tidak dapat mengawal perasaan marahnya sehingga wujudnya sifat dendam dalam hatinya.

Azman sebagai seorang kawan meluahkan perasaan kesalnya terhadap Adam yang tidak mampu mengawal perasaan tersebut.

Oleh yang demikian, jika ragam bahasa ini diujarkan dengan penuh kesungguhan dan dengan intonasi yang sesuai, ia mampu mengubah fikiran pendengar dan dapat menyelami perasaan penutur yang menggunakan bahasa ini.

### DATA 3

“Kau sakitkan perempuan ini jin kafir! Kau keluar daripada tubuh perempuan ini, kalau tidak aku akan hancurkan kau dengan kalimah suci Allah, aku akan binasakan kau dengan izin Allah, keluar!”

Seterusnya, berdasarkan data 3 yang juga diambil dari filem munafik dalam ujaran “kau sakitkan perempuan ini jin kafir! Kau keluar daripada tubuh perempuan ini, kalau tidak aku akan hancurkan kau dengan kalimah suci Allah, aku akan binasakan kau dengan izin Allah, keluar! Dalam situasi ini, Adam sedang merawat Maria yang sedang dirasuk oleh Iblis. Pada ujaran tersebut, Adam telah menggunakan kata-kata yang tajam dan pedas dan ujarannya mampu memberikan kesan ke dalam jiwa Maria (Iblis). Ketika itu Maria yang sedang dirasuk kelihatan ketakutan apabila diugut dengan ujaran-ujaran yang melibatkan kebesaran Allah SWT. Secara rasionalnya, Iblis merupakan makhluk Allah yang telah dikeluarkan dari syurga dan berjanji akan menganggu umat Islam hingga ke hari kiamat. Walau bagaimanapun, Iblis sangat takut apabila dibacakan dengan ayat-ayat suci al-Quran dan zikrullah.

Iblis disifatkan sebagai umat Allah SWT yang angkuh dan sompong. Apabila seseorang manusia yang mempunyai sifat seakan-akan iblis, dia juga boleh dikatakan sebagai seorang yang Munafik. Maka, penyampaian dakwah yang sesuai untuk orang Munafik bukan yang indah dan lemah lembut, tetapi yang baligh dan membekas dalam jiwa. Hal ini demikian kerana kepentingan Qaulan Baligha bagi mad'u yang bersifat Munafik bukanlah hanya untuk menyedarkan tingkah lakunya sahaja, malahan sukar bagi mereka untuk dihasut oleh orang Munafik atau Iblis dalam situasi ini.

Seperti yang telah dibincangkan, dakwah Qualan Baligha ini menurut al-Isfahani (2000) mempunyai dua maksud, iaitu perkataan Baligh itu terjadi apabila dalam diri seseorang terdapat tiga sifat antaranya memiliki kebenaan dari aspek bahasanya, mempunyai kesesuaian tentang perkara yang diperkatakan dan mengandungi kebenaran bagi keseluruhan ayat tersebut. Maka, data 4 yang telah dikenal pasti mengandungi ketiga-tiganya. Pertama, dalam ujaran minit ke 36:18 ini, dari sudut bahasa ayat tersebut mempunyai kebenarannya kerana segala kejadian yang berlaku dalam kehidupan hanya akan berlaku dengan izin Allah sahaja.

Kedua, Adam telah menyesuaikan situasi dengan ujarannya dan sudah pasti mengandungi kebenaran dalam keseluruhan ujaran. Selain itu, dalam minit ini juga Maria (iblis) yang mendengar ugutan Adam menjadi takut dan ini bermakna Maria (iblis) faham perkara yang dimaksudkan oleh Adam. Oleh itu, keseluruhan ujaran menepati unsur dakwah Qaulan Baligha.

Berdasarkan data 3, ujaran di atas jelas menunjukkan Adam menggunakan ragam bahasa herdik kerana dalam situasi ini Adam menggunakan bahasa yang kasar dan keras. Bahasa herdik dilihat dalam ujaran “kau sakitkan perempuan ini jin kafir! Kau keluar daripada tubuh perempuan ini, kalau tidak aku akan hancurkan kau dengan kalimah suci Allah, aku akan binasakan kau dengan izin Allah, keluar!” Jika dilihat bahasa herdik ini tidak berlaku sepanjang waktu kecuali pada waktu-waktu tertentu sahaja yang melibatkan tekanan intonasi yang agak meninggi dan keras yang ditujukan kepada seseorang.

Adam telah menggunakan bahasa ini ketika dia sedang merawat Maria, situasi ini menjelaskan bahawa Maria sedang dirasuk oleh iblis, Adam telah mengherdik dan mengecam iblis tersebut supaya keluar daripada tubuh badan Maria. Intonasi suara Adam pada waktu itu juga agak tinggi dibandingkan dengan intonasinya pada waktu lain. Selain itu, Adam juga menggunakan bahasa herdik ini supaya iblis tersebut menyedari perbuatannya merasuk manusia adalah salah dan akan dikenakan hukuman ke atasnya jika dia terus menerus menganggu Maria.

Di samping itu, Adam telah menyesuaikan situasi dengan bahasa yang digunakan dalam ujarannya. Jika Adam menggunakan bahasa dalam nada yang biasa kemungkinan iblis tersebut tidak akan keluar daripada tubuh badan Maria. Penggunaan bahasa herdik ini bertujuan menyedarkan si pesalah terhadap perkara yang dilakukan pada ketika itu dan bukannya pada masa silam atau pada masa depan. Walau bagaimanapun, iblis tersebut tidak mahu keluar daripada badan Maria. Setelah Adam berusaha membaca ayat-ayat suci al-Quran akhirnya iblis tersebut nekad untuk keluar. Ternyata dengan menggunakan bahasa herdik ini mampu memberikan kesan pada pihak yang dilawan tutur.

### **Unsur Dakwah Qaulan Maysura**

Unsur dakwah Qaulan Maysura yang telah dianalisis ini dikhaskan kepada orang-orang yang sedang memerlukan pertolongan, sama ada disebabkan kemiskinan atau kesusahan tertentu. Misalnya, Orang yang sedang didesak oleh keperluan, mereka sering tidak mampu memahami dengan betul tentang berita yang diterimanya. Bagi orang yang berada dalam keadaan begitu, perkataan yang sukar dapat difahami secara keliru dan menimbulkan reaksi yang keliru. Oleh itu, dakwah ini ditujukan kepada orang yang berada dalam kesulitan supaya mereka tidak ter dorong melakukan perbuatan kufur. Menurut Jalaluddin Rahmat dalam Zikmal Fuad (1992), Qaulan Maysura sebenarnya lebih sesuai diertikan sebagai ucapan yang menyenangkan, mempunyai hal-hal yang menggembirakan.

### **DATA 4**

“Sampai bila kau nak macam ni Adam? Sampai bila kau nak terperap je dalam rumah ni? Imam Ali, orang-orang surau, semua tanya pasal kau, bila kau nak start kerja ni? Ladang kau tu, kebun kau tu terbiar macam tu je, kau kena ingat Adam, kerja ni satu ibadah juga...”

Berdasarkan data 4, unsur dakwah yang terlibat pada ujaran “Sampai bila kau nak macam ni Adam? Sampai bila kau nak terperap je dalam rumah ni? Imam Ali, orang-orang surau, semua tanya pasal kau, bila kau nak start kerja ni? Ladang kau tu, kebun kau tu terbiar macam tu je, kau kena ingat Adam, kerja ni satu ibadah juga...” Dalam ujaran di atas Azman telah menggunakan dakwah Qaulan Maysura bersesuaian dengan situasi dalam durasi 13:00 ini. Dakwah ini perlu disampaikan dengan cara yang mudah difahami supaya tidak menyakitkan dan menimbulkan salah faham di antara penutur dengan pendengar.

Selain itu, dakwah ini sesuai untuk orang-orang yang dalam keadaan memerlukan pertolongan sama ada disebabkan kemiskinan atau kesusahan yang lainnya. Justeru itu, Azman telah menggunakan bahasa yang menyenangkan dalam intonasi yang perlakan selain daripada menggunakan ujaran yang berunsurkan dakwah atau menyeru kepada kebaikan. Berikut dengan Adam yang baru sahaja selepas kematian isterinya.

Dalam situasi ini, Azman telah datang ke rumah Adam dan menasihati Adam supaya dia perlu meneruskan kehidupan selepas daripada kematian isterinya. Sewaktu itu Adam kelihatan lemah dan tidak bersemangat untuk meneruskan kehidupan. Azman yang merupakan kawan baik Adam sering memberikan nasihat-nasihat yang berguna kepada Adam yang berlandaskan hukum syariat. Tambahan lagi, ujaran di atas jelas menunjukkan unsur dakwah Qaulan Maysura

kerana Azman telah menggunakan komunikasi yang mendekatkan manusia dengan Penciptanya pada ujaran “sampai bila kau nak terperap je dalam rumah ni? Imam Ali, orang-orang surau, semua tanya pasal kau, bila kau nak start kerja ni?

Berdasarkan ujaran tersebut, semua ahli surau telah bertanyakan tentang Adam kepada Azman dan Azman meminta Adam untuk kembali mengubati orang kampung seperti dahulu. Di antara prinsip dalam Islam ketika berkomunikasi salah satunya bertujuan untuk mendekatkan manusia dengan Allah dan hamba-Nya yang lain juga. Oleh itu, Azman telah menjalankan tanggungjawabnya sebagai umat Islam ketika berkomunikasi iaitu dengan mendekatkan diri Adam dengan orang-orang surau dan orang-orang kampung selain daripada menggunakan dakwah Qaulan Maysura.

Daripada data di atas, jelas menunjukkan Azman berharap bahawa Adam dapat kembali seperti dulu kerana Jemaah surau telah bertanyakan dirinya yang tidak menghadirkan diri ke surau semenjak kematian isterinya. Hal ini dapat dilihat dalam ujaran di atas yang telah menggunakan bahasa naik. Bahasa naik bertujuan membawa emosi pendengar secara beransur-ansur dari persoalan yang biasa kepada persoalan yang lebih tegang. Azman telah memulakan bahasa naiknya dengan ungkapan ‘imam Ali’ seterusnya naik ke tahap ‘orang-orang surau’ dan ‘semua’.

Azman cuba memancing Adam menggunakan jumlah orang yang bertanyakan mengenai dirinya dari ‘seorang,’ iaitu imam Ali sehinggalah kepada ‘semua’ yang menunjukkan ramai orang. Perkara ini dapat membuktikan kepada Adam bahawa semua orang di kampung itu mengambil berat tentang dirinya. Azman bijak menggunakan ragam bahasa ini dalam ujarannya untuk menyelami emosi Adam. Tambahan lagi, hati Adam sewaktu ini berada dalam keadaan yang sensitif selepas kematian isterinya. Sudah pasti manusia yang mengalami saat getir seperti itu sukar untuk menerima sesuatu perkara yang bersifat drastik. Justeru itu, bahasa naik ini dijadikan sebagai amalan dalam komunikasi bagi mengawal emosi seseorang.

## DATA 5

“Berapa ramai manusia yang mula mencintai syurga, dan berapa ramai manusia yang mula rindu untuk bertemu kepada allah disebabkan derita dunia...”

Seterusnya, data yang menunjukkan dakwah Qaulan Maysura ialah pada ujaran “Berapa ramai manusia yang mula mencintai syurga dan berapa ramai manusia yang mula rindu untuk bertemu kepada Allah disebabkan derita dunia..”. Ujaran tersebut diujarkan oleh Zulaikha isteri kepada Adam. Dalam situasi ini Adam telah bermimpi menemui isterinya, melalui mimpi ini dia sedang menangis kerana merindui isterinya. Sewaktu ini, Zulaikha juga sedih dan menangis melihat keadaan suaminya, namun tetap memberikan nasihat ke arah kebaikan. Nasihat yang diberikan berbentuk penyampaian dakwah Qaulan Maysura kerana menggunakan bahasa yang mudah dan bukan bahasa yang sukar.

Tambahan lagi, dakwah cara ini lebih kepada tatacara pergaulan dengan keluarga, orang miskin, dan kafir. Dalam konteks ini, Zulaikha dan Adam merupakan suami isteri dan dikategorikan sebagai satu keluarga. Melalui ujaran ini, Zulaikha telah menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh Adam. Selain itu, dakwah ini juga ditujukan kepada orang-orang yang sedang memerlukan pertolongan, sama ada kerana kemiskinan atau kesusahan tertentu. Bersesuaian dengan Adam yang sedang megalami kekecewaan.

Bagi orang yang berada dalam keadaan sebegini, perkataan atau bahasa yang sukar dapat difahami dengan keliru dan menimbulkan tindak balas yang juga keliru. Maka dakwah Qaulan Maysura dalam ujaran ini lebih sesuai digunakan untuk menguruskan tingkah laku orang yang sedang dalam kesulitan supaya mereka tidak terdorong melakukan perbuatan yang kufur.

Daripada data 5 di atas, jelas kepada kita bahawa Zulaikha berharap Adam dapat menerima pemergiannya. Oleh itu, melalui ujaran di atas Zulaikha mengharapkan Adam memahami maksud mesej yang ingin disampaikan itu kerana jelas menunjukkan kesungguhan kata-katanya. Ragam bahasa melampau berlaku apabila kita sengaja memperbesar-besarkan keterangan tentang sesuatu perkara. Situasi di atas menjelaskan bahawa Adam yang terlalu merindui isterinya sehingga dia bermimpi telah berjumpa dengan isterinya. Jelas menunjukkan Zulaikha menggunakan bahasa melampau pada ujaran “Berapa ramai manusia yang mula mencintai syurga dan berapa ramai manusia yang mula rindu untuk bertemu kepada Allah disebabkan derita dunia...”

Dalam ujaran di atas Zulaikha menyatakan ramai manusia yang merindui syurga oleh kerana penderitaan yang ditanggung di dunia. Kenyataannya, sebagai seorang manusia biasa kita tidak tahu perkara yang dilakukan dan difikirkan oleh orang lain. Lumrah sebagai seorang manusia juga kita mengharapkan bahawa dunia ini kekal abadi tanpa menempuh alam akhirat kerana banyak proses yang perlu kita hadapi sebelum menentukan destinasi kita sama ada ke syurga atau neraka. Selain itu, ujaran Zulaikha itu boleh dianggap benar tetapi dari aspek keramaian itu tidak dapat dipastikan jumlahnya. Namun, dalam ujarannya itu diumpamakan dia mengetahui jumlah manusia yang merindui syurga itu, sedangkan hanya Allah sahaja yang mengetahui segala perkara yang tersimpan dalam hati manusia.

Penggunaan ragam bahasa ini mampu memberikan kesan yang mendalam terhadap pendengar. Kebanyakan bahasa melampau ini dinamakan sebagai hiperbola seperti dalam ungkapan ‘derita dunia’. Hiperbola ialah bentuk-bentuk ungkapan yang memperbesar-besarkan atau melebih-lebihkan makna yang hendak disampaikan. Selain itu, bahasa ini digunakan kerana penutur mengharapkan pendengar berfikir tentang mesej yang disampaikan. Oleh itu, ragam bahasa ini termasuk dalam jenis-jenis ragam bahasa kerana memperlihatkan ciri-ciri keindahan dalam berbahasa.

### **Unsur Dakwah Qaulan Sadida**

Berikut pula ialah analisis berkaitan dakwah Qaulan Sadida yang dikatakan sebagai perkataan yang lurus atau benar. Selain itu, dakwah Qaulan Sadida ini menuntut perintah bertakwa mendahului perintah bercakap benar. Jadi pelaksanaan dakwah ini harus berdiri di atas landasan takwa. Takwa ialah perbuatan baik yang dilakukan oleh seorang hamba yang patuh dan taat pada perintah tuhannya. Berdasarkan analisis yang dilakukan, kesemua data-data ini telah memenuhi ciri-ciri dakwah Qaulan Sadida.

### **DATA 6**

“Aamiin Ya Rabbal alamin.. bila Amir dah besar nanti, mungkin masa tu ayah pun dah tak ada lagi.. Amir jangan lupa untuk ziarah kubur sebab dengan ziarah kubur ni boleh mengingatkan kita tentang kematian, tentang akhirat.. ingat pesan ayah..”

Unsur dakwah seterusnya ialah Qaulan Sadida dalam ujaran di atas, iaitu “ Aamiin Ya Rabbal alamin.. bila Amir dah besar nanti, mungkin masa tu ayah pun dah tak ada lagi.. Amir jangan lupa untuk ziarah kubur sebab dengan ziarah kubur ni boleh mengingatkan kita tentang kematian, tentang akhirat.. ingat pesan ayah..” merupakan dakwah Qaulan Sadida. Dakwah ini mementingkan aspek kebenaran dalam setiap ujaran dan pengajar juga perlu mempunyai sifat takwa sewaktu menyampaikan dakwah ini. Berikut situasi di atas, Adam dan anaknya Amir baru selesai menziarahi kubur arwah isterinya, Adam telah menyampaikan beberapa pesanan beserta nasihat kepada Amir berkaitan dengan ziarah kubur.

Berdasarkan ujaran tersebut, Adam telah menyampaikan perkara yang benar kepada Amir seperti yang terdapat dalam ciri-ciri dakwah Qaulan Sadida. Melalui ujaran itu terselit sifat takwa ke dalam dirinya yang terdapat pada ujarannya “..dengan ziarah kubur ni boleh mengingatkan kita tentang kematian, tentang akhirat..”. Takwa ialah perbuatan baik yang dilakukan oleh seorang hamba yang patuh dan taat pada perintah tuhannya. Sebagai hamba Allah, Adam telah menjalankan tanggungjawab sebagai seorang Ayah untuk menasihati anaknya tentang kelebihan menziarahi kubur.

Sememangnya, tugas dan tanggungjawab seorang umat Islam untuk menyeru manusia melakukan kebaikan. Nasihat yang diberikan oleh Adam bukan sahaja akan mengubah tingkah laku anaknya malahan memaparkan kebolehan yang terdapat dalam dirinya. Mesej dakwah yang disampaikan dengan benar, baik dari sudut logiknya ataupun bahasa dan dapat disampaikan dengan takwa mampu menyentuh psikologi mad'u atau penerima dakwah.

Dalam data 6 di atas, dapat dikenal pasti juga ujaran tersebut telah menggunakan bahasa naik. Ujaran yang menunjukkan bahasa tersebut ialah pada ujaran ‘bila Amir dah besar nanti, mungkin masa tu ayah pun dah tak ada lagi.. Amir jangan lupa untuk ziarah kubur sebab dengan ziarah kubur ni boleh mengingatkan kita tentang kematian, tentang akhirat.’ Dalam situasi tersebut, Adam dan anaknya sedang menziarahi kubur arwah isterinya Zulaikha. Secara tak langsung, Adam menyampaikan pesanan kepada Amir tentang kelebihan menziarahi kubur dan pesanan itu minta dilakukan apabila Amir besar kelak. Sememangnya umat Islam digalakkan untuk menziarahi kubur supaya mengingatkan mereka tentang kematian. Selain itu, ragam bahasa yang digunakan ini menampakkan kepentingan hubungan manusia dengan hari kiamat.

Berdasarkan data di atas, Adam telah memulakan bahasa naiknya dengan ayat ‘bila Amir dah besar nanti’ seterusnya naik ke tahap ‘masa tu ayah pun dah tak ada lagi’ kemudian ke tahap yang lebih berfokuskan kepada mesej utama, iaitu pada ujaran ‘jangan lupa ziarah kubur’. Mesej utama yang ingin disampaikan Adam dalam ujaran ini ialah berkaitan dengan ziarah kubur. Hal ini dapat dilihat seterusnya Adam baru menyatakan kelebihan ziarah kubur ini boleh mengingatkan manusia kepada ‘kematian’ kemudian ke tahap ‘akhirat’. Ungkapan yang digunakan Adam itu menunjukkan mengenai kitaran hidup manusia yang akan menempuh tiga alam sebelum menuju ke destinasi, iaitu syurga atau neraka.

Tiga alam tersebut ialah alam kehidupan, kematian dan akhirat. Pendekatan yang digunakan oleh Adam dengan menggunakan bahasa naik ini mampu membuatkan seseorang itu faham tentang sesuatu perkara itu dengan jelas dan tersusun. Tambahan lagi, ujaran yang disampaikan melibatkan anaknya yang belum meningkat dewasa. Seperti yang telah dibincangkan di atas, manusia ada masa tidak boleh menerima sesuatu perkara itu secara drastic, maka perlu diajar menggunakan prinsip pembelajaran. Misalnya, dimulakan dengan perkara yang mudah kepada yang sukar supaya komunikasi yang dijalankan berada dalam suasana yang terkawal.

Justeru itu, dalam bahasa ini amat mementingkan aspek perasaan pendengar dan Amir telah memberikan respon yang positif bahawa dia akan menurut segala pesanan yang telah Adam sampaikan padanya.

## DATA 7

“Isteri kamu pulih Shah, bukan sebab saya..saya cuma bantu apa yang mampu, segalanya atas izin Allah..”

Berdasarkan ujaran dalam data 14 “isteri kamu pulih Shah, bukan sebab saya..saya cuma bantu apa yang mampu, segalanya atas izin Allah..” Ujaran yang diujarkan oleh Adam itu menepati unsur dakwah Qaulan Sadida kerana mempunyai kebenaran dalam ujarannya selain daripada

perasaan takwa yang terdapat pada ujaran “segalanya dengan izin Allah..”. Sememangnya kita sebagai umat Islam perlu mempercayai bahawa setiap perkara yang berlaku hanya dengan izin Allah.

Dalam durasi 11:50 ini, Adam telah terserempak dengan Shah yang merupakan jirannya. Ujaran di atas berlaku kerana Shah telah menyatakan bahawa selepas Adam memberikan rawatan, isterinya terus sembah. Adam menidakkan perkara tersebut kerana dia hanya pengantara atau wadah yang Allah hantar untuk menyembuhkan penyakit isteri Shah dan yang memberi keizinan untuk menyembuhkan penyakit itu hanya Allah SWT. Oleh itu, ujaran ini dikatakan bersifat sadid atau benar kerana mesej yang disampaikan benar dan baik di samping selari dengan perasaan takwa kepada Allah.

Tingkah laku manusia dapat diubah dengan menggunakan pendekatan atau cara yang benar dan logik, maka situasi ini disesuaikan dengan dakwah ini kerana Adam telah menggunakan perkataan yang benar dan lurus. Hal ini demikian kerana manusia adalah makhluk Allah yang dicipta untuk berfikir secara logik akal.

Ragam bahasa bukan merupakan salah satu daripada jenis-jenis ragam bahasa yang terdapat dalam pendekatan Za'ba. Terdapat ragam bahasa bukan yang dapat dikenal pasti dalam ujaran di atas dan bahasa ini terdiri daripada ragam bahasa yang menggunakan perkataan ‘bukan’. Dalam ujaran di atas, terdapat perkataan ‘bukan’ yang menunjukkan penafian sesuatu berita atau pernyataan. Situasi ini berlaku di antara Adam dengan Shah, iaitu jiran di sebelah rumahnya. Shah telah menyatakan bahawa hasil rawatan Adam menyebabkan isterinya pulih dan perkara itu dinafikan oleh Adam kerana sebagai umat Islam hanya Allah sahaja yang mampu menyembuhkan dan Adam hanyalah wadah untuk merawat isteri Shah.

Kebiasaannya, kata nafi bukan ini hadir sebelum frasa kerja dan frasa adjektif untuk mendukung maksud pertentangan maklumat. Sebagai contoh, seperti ujaran di atas “isteri kamu pulih Shah, bukan sebab saya.. saya cuma bantu apa yang mampu, segalanya atas izin Allah..”. Ujaran ‘saya cuma bantu apa yang mampu’ menunjukkan frasa kerja. Dalam data di atas, ternyata ‘bukan’ yang digunakan oleh pengajar bermaksud perkara yang sebaliknya. Selain itu, penggunaan bahasa ini juga seolah-olah merupakan satu penegasan oleh pengujarnya tentang perkara yang sedang diperkatakannya.

Meskipun penggunaannya tidak kerap, namun mampu memberikan variasi terhadap penggunaan bahasa oleh penutur.

### **Unsur Dakwah Qaulan Ma'rufa**

Berikut merupakan dua dakwah Qaulan Ma'rufa yang dianalisis. Menurut Ibnu Manzhur dalam Zikmal Fuad (2015), dakwah ini mengandungi pengertian perkataan atau ungkapan yang baik dan sesuai. Selain itu, dakwah Qaulan Ma'rufa ini apabila diterjemahkan menggunakan tulisan, dapat membawa maksud sebagai tulisan yang baik, menarik, mudah difahami, menggunakan bahasa yang sederhana dan dapat membangkitkan semangat pembaca melakukan perkara yang baik berdasarkan analisis yang dilakukan, kesemua data tersebut memenuhi ciri-ciri dakwah Qaulan Ma'rufa.

### **DATA 8**

“Ibu milik Allah Amir.. Ayah, Amir, semua orang dekat luar sana tu milik Allah, suatu hari nanti kita akan kembali pada Allah Amir.. macam ibu juga..”

Unsur dakwah yang seterusnya ialah Qaulan Ma'rufa yang terdapat dalam ujaran Adam. iaitu “Ibu milik Allah Amir.. Ayah, Amir, semua orang dekat luar sana tu milik Allah, suatu hari nanti kita akan kembali pada Allah Amir.. macam ibu juga..”. Ujaran ini diujarkan oleh Adam pada anaknya Amir. Amir memberitahu Adam bahawa dia telah bermimpi ibunya dan dia amat merindui ibunya. Dalam dakwah ini, bahasa yang mudah dan sesuai diberi keutamaan dalam menyampaikan dakwah. Kesesuaianya merujuk kepada orang yang menerima dakwah itu. Adam telah menggunakan bahasa yang mudah difahami dan sesuai bagi golongan kecil seperti anaknya.

Dakwah ini menekankan kesesuaian dalam penyampaian mengikut tahap tumbesaran. Misalnya, bagi seseorang yang belum cukup dewasa atau seseorang yang dewasa tetapi kurang ilmu agamanya. Kedua-dua golongan ini memerlukan teknik penyampaian dakwah yang betul dan sesuai kerana kebiasaannya golongan ini tidak mudah untuk menerima perkara yang diujarkan sekalipun perkara yang disampaikan adalah perkara yang baik.

Berdasarkan situasi dalam durasi 9:14 ini, Adam menggunakan bahasa yang baik dan lembut sambil memegang bahu Amir supaya ujaran atau penyampaiannya dapat diterima oleh Amir. Walau bagaimanapun, Amir tidak dapat menerima ujaran Adam itu kerana dia terlalu beremosi dan meninggalkan Adam dalam keadaan yang terpinga-pinga. Justeru itu, Adam telah menggunakan dakwah Qaulan Ma'rufa ini dengan sebaiknya namun tidak berjaya diterima oleh Amir akibat terlalu beremosi.

Berdasarkan data 8 di atas, menunjukkan Adam menggunakan bahasa naik dalam ujarannya. Menurut Za'ba (1962), bahasa naik bertujuan membawa emosi pembaca secara beransur-ansur dari persoalan yang kendur kepada persoalan yang lebih tegang. Dalam data di atas, Adam telah memulakan bahasa naiknya dengan ungkapan ‘ayah’ iaitu dirinya sendiri seterusnya naik ke tahap ‘Amir,’ iaitu anaknya dan akhirnya ‘semua orang’. Adam ingin menyatakan dalam ujaran tersebut bahawa semua orang dalam dunia ini akan kembali kepada Allah.

Hal ini demikian kerana dengan menggunakan bahasa naik, seseorang penutur tidak terus mengungkapkan tujuan yang sebenar. Kebiasaannya, perbicaraan akan dimulai dengan persoalan yang berkaitan, namun persoalan tersebut tidak sampai menganggu emosi pendengar. Bersesuaian dengan situasi di atas bahawa Amir menyatakan dirinya amat merindui ibunya yang sudah meninggal dunia dan Adam telah menasihati anaknya menggunakan pendekatan bahasa naik tersebut. Bahasa naik ini digunakan dalam ujaran kerana menyedari bahawa hati manusia amat sensitif yang bersifat keterlaluan.

Selain itu, manusia kadangkala sukar untuk menerima perkara-perkara yang bersifat drastik. Tambahan lagi, Adam sedang menyampaikan sesuatu mesej kepada anaknya yang masih kecil dan masih tidak boleh berfikir secara rasional. Ini bertepatan dengan ansur maju yang merupakan salah satu prinsip pembelajaran. Sesuatu pengajaran tidak boleh terus dimulakan dengan tahap kesukaran yang tinggi. Ia mestilah bermula daripada mudah kepada yang sukar daripada yang asas kepada yang kompleks.

Justeru itu, bahasa ini mementingkan perasaan pendengar kerana faktor ini bakal menentukan peranan bahasa naik ini adalah untuk menaikkan semangat, menerbitkan rasa marah, suka benci, hiba atau sebagainya terhadap orang yang menerima ujaran tersebut. Walau bagaimanapun, bahasa naik yang digunakan dalam ujaran ini telah mewujudkan rasa marah dalam diri Amir kerana tidak dapat menerima perkara yang disampaikan oleh Adam.

## KESIMPULAN

Hasil kajian yang dilakukan terhadap filem Khurafat (2011) dan Munafik (2016), kebanyakan unsur dakwah wujud dalam filem Munafik. Terdapat lima unsur dakwah yang dikenal pasti daripada enam jenis unsur dakwah yang telah dikemukakan oleh Ahmad Mubarak (2000). Unsur dakwah yang terdapat dalam filem tersebut ialah dakwah Qaulan Layyina, Qaulan Baligha, Qaulan Sadida, Qaulan Maysura dan Qaulan Ma'rufa. Manakala, hanya enam jenis ragam bahasa yang dapat dikenal pasti daripada 15 jenis ragam bahasa yang telah dikemukakan oleh Za'ba (1965), iaitu ragam bahasa herdik, bahasa bukan, bahasa berulang, bahasa seruan atau mengeluh dan bahasa naik. Penggunaan ragam bahasa dalam unsur dakwah yang digunakan dalam kedua-dua filem bersesuaian dengan situasi yang berlaku dalam filem tersebut. Misalnya, jika situasi tersebut menuntut untuk penutur meninggikan intonasi suara bermakna situasi itu bakal memberi kesan pada pendengar. Oleh kerana itulah berlakunya kepelbagaiannya ragam bahasa dalam sesuatu situasi. Bahasa memainkan peranan besar dalam mengendalikan tingkah laku manusia yang dapat digunakan untuk mengawal manusia menjadi gembira, sedih, marah dan sebagainya. Seterusnya bahasa dapat juga digunakan untuk memasukkan gagasan-gagasan baru ke dalam pemikiran manusia.

## RUJUKAN

- Ahmad Mubarak. (2000). *Jiwa Dalam al-Quran*. Jakarta: Paramadina.
- Hamidah Abdul Wahab. (2011). *Bahasa Pemersatu Bangsa: Ragam Bahasa dalam Komik*. Kuching: Universiti Malaysia Sarawak. Dic  
[https://www.researchgate.net/publication/236843768\\_Bahasa\\_Pemersatu\\_Bangsa\\_Ragam\\_Bahasa\\_dalam\\_Komik](https://www.researchgate.net/publication/236843768_Bahasa_Pemersatu_Bangsa_Ragam_Bahasa_dalam_Komik) pada 16 Mac 2019.
- Mohd Shukri Hanapi. (2016). Optimum Penggunaan Filem Sebagai Medium Dakwah. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia 11–13.
- Muhammad Muhammin Zainal Abidin dan Rosmawati Mohamad Rasit. Analisis Mesej Dakwah Dalam Filem Munafik. (2016). *Fikiran Masyarakat*, Vol. 6, No. 1, 2018. hlmn 23 – 29
- Nik Nurul Syuhada Binti Muhammed dan Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid. (2015). Humor dan Manusia: Satu Perbincangan Awal. *Journal Al-Muqaddimah*. Volume 3 (1), 2015, ISSUE 1, 2015. hlmn:18-33. URL: <http://e-jurnal.um.edu.my/jurnal/al-muqaddimah>
- Zainal Abidin Ahmad. (1965). Ilmu mengarang Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zikmal Fuad. (2015). *Pendekatan Bahasa Dalam DAkwah (Satu Kajian dari Perspektif Al-Quran)*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Dicapai pada 16 Mac 2019.([http://rmc.kuis.edu.my/jpi/wp-content/uploads/2015/09/JURNAL-PENDEKATAN\\_BAHASA\\_DALAM\\_DAKWAH-1.pdf](http://rmc.kuis.edu.my/jpi/wp-content/uploads/2015/09/JURNAL-PENDEKATAN_BAHASA_DALAM_DAKWAH-1.pdf))
- Zoriati Osman. (2005). *Retorik Pujukan: Kajian Kes Ceramah Haji Hadi Awang*. Disertasi Sarjana. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Filem Munafik. (2016). Skop Productions Sdn Bhd. Dicapai pada 16 Mac 2019.  
[https://www.youtube.com/watch?v=D\\_Ee7YCHezQ](https://www.youtube.com/watch?v=D_Ee7YCHezQ)
- Filem Khurafat. (2011). Skop Productions Sdn Bhd.  
<https://www.youtube.com/watch?v=6FU8KP5Sy4k> Dicapai pada 16 Mac 2019.

